

PRU-13: PM seru pengundi beri kemenangan kepada BN
Utusan Online
25 April, 2013

PEKAN 25 April - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Pilihan Raya Umum Ke-13 ibarat medan peperiksaan dengan pengundi yang akan menentukan markah kepada semua calon termasuk beliau sendiri di kerusi Parlimen Pekan.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berharap rakyat akan memberi kemenangan kepada Barisan Nasional (BN) selepas pelbagai program pembangunan dibawa kerajaan demi kesejahteraan rakyat.

"Pada pilihan raya lalu saya mencatat sejarah dengan mendapat majoriti terbesar berbanding calon lain di seluruh negara, sama ada rekod tersebut diulang kembali, semuanya bergantung kepada sokongan para pengundi," katanya ketika berucap pada Majlis Sarapan Pagi di Kampung Ketapang di sini hari ini. - UTUSAN ONLINE

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: : http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130425/px_61/PRU-13-PM-seru-pengundi-beri-kemenangan-kepada-BN#ixzz2ZsrDFbpt

© Utusan Melayu (M) Bhd